



ANUGERAH SERI GEMILANG UniMAP 2010

KETERLIHATAN ANTARABANGSA YANG MENYERLAH
"Lonjakan Komitmen, Lonjakan Prestasi"

14 APRIL 2011
Dewan 2020, Kangar, Perlis





UniMAP

DIRGAHAYU TUANKU RAJA MUDA

**Maha Esa Rabbuljalil
Dirgahayu Sejahtera
Duli Yang Teramat Mulia
Tuanku Raja Muda
Pewaris Takhta Jamalullail
(Ulang 2x)
Pewaris Takhta Jamalullail**

WAWASANKU

**Universiti Malaysia Perlis
Alam Kejuruteraan
Ilmu Keikhlasan Kecemerlangan
Wawasan Jiwa Kita**

**Berdikari, Rohaniah
Berteknologi
Pemimpin Berbestari
Untuk Bangsa, Insan Dan Umat Dunia
Negara Yang Tercinta**

**Universiti Malaysia Perlis
Alam Kejuruteraan
Ilmu Keikhlasan Kecemerlangan
Wawasan Jiwa Kita**

Semangat UniMAP

**Visi Universiti
Visi Berintegriti
Dinamik Masa Berinteraksi
Visi Kita Semua
Membina Jiwa Minda
Sama Semangat Untuk Negara**

**Visi Universiti
Visi Berintegriti
Dinamik Masa Berinteraksi
Visi Kita Semua
Membina Jiwa Minda
Sama Semangat Untuk Negara**

Visi Cemerlang Gemilang Terbilang

UniMAP!!!



Daulat Tuanku

*Merafak Sembah Menjunjung Kasih
Di Atas Keberangkatan Tuanku Berdua*



DULI YANG TERAMAT MULIA TUANKU SYED FAIZUDDIN PUTRA IBNI TUANKU SYED SIRAJUDDIN JAMALULLAIL

D.K., S.P.M.P., P.A.T., Doctor of Education (Honoris Causa) La Trobe University Melbourne, Australia

Raja Muda Perlis

Canselor UniMAP



DULI YANG TERAMAT MULIA TUANKU HAJAH LAILATUL SHAHREEN AKASHAH KHALIL
S.P.M.P., Honoris Causa in Health Sciences (Universidad Nacional Pedro Henriquez Ureña, DR)
Raja Puan Muda Perlis
Pro-Canselor UniMAP



UnIMAP



Kata Aluan
Naib Canselor Universiti Malaysia Perlis

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT kerana terus memberikan limpah rahmat dan inayahnya bagi membolehkan kita sekali lagi meraikan insan-insan cemerlang di UniMAP pada majlis "Anugerah Seri Gemilang" 2010.

Anugerah Seri Gemilang merupakan usaha jangka panjang UniMAP dalam membentuk budaya kerja atau perkhidmatan yang cemerlang, bermutu atau penghasilan kerja melebihi daripada keperluan tanggungjawab biasa bagi seseorang penjawat awam.

Kerajaan menyedari bahawa segala apa yang diaspirasikan tidak akan terjelma dan menjadi realiti tanpa pelaksanaan yang pantas, tepat dan berkesan. Inilah tugas para penjawat awam dalam memikul amanah yang dipertanggungjawabkan. Justeru, kecemerlangan seluruh warga Malaysia umumnya, dan warga UniMAP khususnya memerlukan cara tersendiri untuk mencapainya. Pikullah tanggungjawab yang diberikan dengan amanah dan laksanakanlah tugas anda dengan jujur dan ikhlas.

Saya yakin bahawa perkhidmatan yang cekap amat perlu untuk menjadikan UniMAP sebagai institusi akademik dan penyelidikan yang berdaya saing bukan sahaja di pentas Malaysia tetapi nun jauh di persada antarabangsa. Oleh itu, kita harus bersifat adatif atau mudah menyesuaikan diri dengan pola perubahan lokal dan global untuk meningkatkan daya saing individu dan organisasi.

Akhir kata, saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada semua penerima anugerah pada malam ini dan setinggi-tinggi ucapan terima kasih kepada semua pihak yang telah bertungkus lumus dalam menjayakan "Anugerah Seri Gemilang 2010" ini.

Sekian, Wassalam

Brig. Jen. Dato' Prof. Dr. Kamarudin Hussin
Naib Canselor,
Universiti Malaysia Perlis

Atur Cara Anugerah Seri Gemilang UniMAP 2010

7:45 malam

Ketibaan Jemputan

8:00 malam

Ketibaan YBhg Naib Canselor UniMAP & Isteri

8:10 malam

Ketibaan YBhg Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti & Isteri

8:15 malam

Ketibaan Dif-dif Kehormat

8:20 malam

Ketibaan YAB Menteri Besar Perlis & Isteri

8:30 malam

Keberangkatan Tiba DYTm Canselor UniMAP % DYTm Pro Canselor UniMAP

-Lagu Dirgahayu Tuanku Raja Muda & WAWASANKU

-Ucapan Aluan oleh YBhg Naib Canselor UniMAP

-Titah Ucapan DYTm Canselor UniMAP

-Jamuan Makan Malam

-Penyampaian Anugerah & Persembahan Kebudayaan

- Lagu Semangat UniMAP

-Lagu Dirgahayu Tuanku Raja Muda

11:30 malam

Keberangkatan Balik DYTm Canselor & DYTm Pro Canselor UniMAP

YAB Menteri Besar Perlis & Isteri Meninggalkan Majlis

Majlis Bersurai

Kriteria Anugerah Seri Gemilang UniMAP

A. ANUGERAH PERDANA SERI GEMILANG UniMAP

Anugerah tertinggi ini dianugerahkan kepada individu luar UniMAP yang telah banyak menyumbang idea dan tenaga seiring dengan misi dan visi UniMAP dalam memartabatkan imej universiti ini di persada pendidikan negara. Penerima anugerah ini juga merupakan individu yang aktif di dalam bidang sosial dan kemasyarakatan.

B. ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG

Terbuka kepada semua staf tetap, sementara dan kontrak. Telah berkhidmat bagi tempoh genap setahun penuh pada hari terakhir tahun penilaian. Pemilihan berdasarkan Sistem Saraan Malaysia (SSM) dan keputusan pemilihan di bawah tanggungjawab Panel Pembangunan Sumber Manusia UniMAP berdasarkan Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bilangan 2 Tahun 2002.

C. ANUGERAH KHAS PERKHIDMATAN CEMERLANG

1. Anugerah Tokoh

Terbuka kepada semua staf Pengurusan dan Profesional UniMAP. Calon memaparkan kualiti hasil kerja yang cemerlang di dalam pentadbiran, berupaya mewujudkan amalan kerja yang baik dan berkesan serta mempunyai interaksi yang baik dengan staf, pelajar, masyarakat luar. Calon juga telah memberikan sumbangan yang cemerlang dalam meningkatkan imej UniMAP di peringkat nasional dan antarabangsa. Sekiranya staf akademik, calon dapat memaparkan kualiti hasil kerja yang cemerlang di dalam pengajaran dan penyelidikan. Calon juga mempunyai penampilan yang cemerlang dan menjadi idola kepada staf.

2. Anugerah Pendidik Cemerlang

Terbuka kepada staf akademik UniMAP. Calon memaparkan kuantiti dan kualiti hasil kerja yang cemerlang sama ada di peringkat pusat, jabatan dan universiti, berupaya mewujudkan amalan kerja yang baik, berkesan serta melaksanakan tugas dalam tempoh masa yang ditetapkan dalam mencapai kesempurnaan hasil kerja. Calon dapat memaparkan kaedah pengajaran dan pembelajaran berkesan dan

dibuktikan dengan pencapaian pelajar di dalam peperiksaan serta calon mudah didampingi oleh pelajar.

3. Anugerah Pentadbir Cemerlang

Terbuka kepada staf Pengurusan dan Profesional (pentadbiran) UniMAP. Calon memaparkan kuantiti dan kualiti hasil kerja yang cemerlang sama ada di peringkat pusat, jabatan dan universiti. Calon berupaya mewujudkan amalan kerja yang baik, berkesan serta melaksanakan tugas dalam tempoh masa yang ditetapkan dalam mencapai kesempurnaan hasil kerja. Calon juga menguasai amalan bekerja di dalam pasukan sama ada di peringkat pusat, jabatan atau universiti.

4. Anugerah Staf Sokongan Cemerlang

Terbuka kepada semua staf sokongan UniMAP. Calon memaparkan kuantiti dan kualiti hasil kerja yang cemerlang sama ada di peringkat pusat, jabatan dan universiti. Calon berupaya mewujudkan amalan kerja yang baik, berkesan serta melaksanakan tugas dalam tempoh masa yang ditetapkan dalam mencapai kesempurnaan hasil kerja. Calon juga dapat melaksanakan arahan tugas dengan berkesan dan melaksanakan amalan kerja berpasukan.

5. Anugerah Versatil

Terbuka kepada semua staf UniMAP. Calon aktif dan cemerlang dalam pelbagai bidang contohnya sukan, kebajikan, keagamaan dan lain-lain. Calon berkebolehan merancang, mengelola dan mengendalikan sesuatu tugas yang dipertanggungjawabkan.

6. Anugerah Rakan Pendamping Siswa

Terbuka kepada semua staf akademik UniMAP. Calon bersikap mesra pelajar, melibatkan diri secara optimum dengan aktiviti pelajar dan berjaya membimbing pelajar ke arah kecemerlangan akademik dan sahsiah.

Kriteria Anugerah Seri Gemilang UniMAP

7. Anugerah Pusat Pengajian/Sokongan Akademik Cemerlang

PTj berjaya melaksana dan memenuhi Pelan Tindakan yang ditetapkan. Staf di PTj dapat bekerja sebagai satu pasukan dan memberi komitmen ke atas aktiviti PTj, Universiti atau pihak luar.

8. Anugerah Jabatan / Unit Cemerlang

PTj berjaya melaksana dan memenuhi Pelan Tindakan yang ditetapkan. Staf di PTj dapat bekerja sebagai satu pasukan dan memberi komitmen ke atas aktiviti Ptj, Universiti atau pihak luar.

D. ANUGERAH KECEMERLANGAN PENYELIDIKAN

Dianugerahkan kepada pasukan penyelidik sebagai mengiktiraf sumbangan di dalam bidang penyelidikan dan pencapaian bagi penyertaan di dalam pameran penyelidikan atau pertandingan di peringkat negara dan antarabangsa.

E. ANUGERAH KECEMERLANGAN SUKAN

1. Anugerah Tokoh Sukan

Terbuka kepada semua staf UniMAP. Calon memberikan komitmen secara profesional dalam hal ehwal pengurusan sukan peringkat universiti, negeri, kebangsaan dan antarabangsa. Calon berjaya mengharumkan nama universiti dalam bidang sukan, menyumbang ke arah pembangunan sukan peringkat universiti, negeri, kebangsaan dan antarabangsa serta berkebolehan untuk memimpin, merancang, mengelola dan mengendalikan aktiviti sukan dengan sistematik dan efisien.

2. Anugerah Pasukan Terbaik

Dianugerahkan kepada pasukan staf UniMAP yang berjaya mengharumkan nama universiti dengan tahap pencapaian dan pengiktirafan yang membanggakan di peringkat negeri, nasional dan antarabangsa.

3. Anugerah Individu Terbaik (Lelaki)

Dianugerahkan kepada staf UniMAP yang berjaya mengharumkan nama universiti dengan tahap pencapaian dan pengiktirafan yang membanggakan di peringkat negeri, nasional dan antarabangsa.

4. Anugerah Individu Terbaik (Wanita)

Dianugerahkan kepada staf UniMAP yang berjaya mengharumkan nama universiti dengan tahap pencapaian dan pengiktirafan yang membanggakan di peringkat negeri, nasional dan antarabangsa.

F. ANUGERAH PENGHARGAAN KHAS

1. Anugerah Khas UniMAP

Dianugerahkan kepada agensi/individu luar yang telah bersama-sama menyumbang tenaga dan berjasa kepada universiti.

2. Anugerah Perkhidmatan Lama

Dianugerahkan kepada staf yang telah berpujian di UniMAP sebagai mengenang jasa dan khidmat bakti yang dicurahkan sepanjang berkhidmat di universiti ini.

3. Anugerah Inovasi

Dianugerahkan kepada Jabatan/Pusat Pengajian atas kreativiti, komitmen dan inovasi dalam menghasilkan produk/input berkualiti dan berjaya menaikkan imej universiti di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

4. Anugerah Khas Sukan

Dianugerahkan kepada staf UniMAP yang berjaya mengharumkan nama universiti dengan tahap pencapaian dan pengiktirafan yang membanggakan di peringkat negeri, nasional dan antarabangsa.

5. Anugerah Khas Kebudayaan

Dianugerahkan kepada staf UniMAP yang berjaya mengharumkan nama universiti dengan tahap pencapaian dan pengiktirafan yang membanggakan di peringkat negeri, nasional dan antarabangsa.